



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**

Aras 3 & 4, Menara SSM Ipoh Perak,
Jalan Basco Keping 1,
Basco Avenue@Keping,
31400 Ipoh, Perak



No Tel : 605 - 246 2100
Laman Web: <http://perak.anm.gov.my>

Ruj. Kami : JANM.PRK.600-1/3/4 (77)
Tarikh : 28 Ogos 2026

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab
YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs Dr. / Tuan / Puan,

**PERINGATAN PAMATUHAN ARAHAN PERBENDAHARAAN (AP) 95(a) DAN 169D(d)
BAGI PENGELUARAN PESANAN KERAJAAN / TANGGUNGAN KONTRAK KERAJAAN
(BEKALAN DAN PERKHIDMATAN) DI SISTEM ePEROLEHAN DAN PENGELUARAN
PESANAN KERAJAAN / INDEN KERAJAAN / TANGGUNGAN KONTRAK KERAJAAN
(KERJA) DI PORTAL iGFMS**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs. Dr. / Tuan / Puan, Jabatan ini mendapati bahawa terdapat isu berkenaan pengeluaran Pesanan Kerajaan / Tanggungan Kontrak Kerajaan untuk bekalan dan perkhidmatan, serta Inden Kerajaan / Tanggungan Kontrak Kerajaan untuk kerja yang tidak atau lewat dibuat tanggungan dalam Sistem ePerolehan dan Portal iGFMS seperti yang ditetapkan dalam peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa. Ketetapan peraturan ini adalah selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 95(a) dan AP169D(d).

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini ingin menarik perhatian pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs. Dr. / Tuan / Puan dan memberi peringatan tegas kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dengan memastikan perkara berikut diambil tindakan sewajarnya:

- i) **Pesanan Kerajaan (eP dan iGFMS) hendaklah dikeluarkan sebelum atau pada masa sebarang bekalan atau perkhidmatan diperolehi atau diterima oleh Agensi;**
- ii) **Tanggungan Kontrak Kerajaan (iGFMS) hendaklah dipertanggung sebelum bekalan atau perkhidmatan diperolehi atau diterima oleh Agensi;**
- iii) **Inden Kerajaan melalui iGFMS hendaklah dikeluarkan sebelum kerja dimulakan; dan**
- v) **Tanggungan Kontrak Kerajaan (perolehan kerja) melalui iGFMS hendaklah dipertanggung sebelum kontrak tamat atau kerja selesai.**

4. Merujuk kepada Surat Kementerian Kewangan (MoF), rujukan MOF.BPK (S) 600-14/11/11 Jld.6 (42) bertarikh 3 Januari 2024, MoF telah memutuskan penurunan kuasa dipanjangkan kepada perolehan Kerajaan dengan ketetapan seperti berikut:

- a. Pegawai Pengawal diberi penurunan kuasa untuk meluluskan pembayaran melalui **inden kerja manual** sehingga nilai kumulatif mencapai RM1 juta bagi setiap projek;
- b. Kelulusan pembayaran adalah bagi tahun semasa dan setahun sebelum sahaja dan
- c. Permohonan yang tidak mematuhi syarat di perenggan (a) dan (b) hendaklah dikemukakan kepada JANM untuk pertimbangan dan kelulusan.

5. Bagi penambahbaikan pelaksanaan kelulusan pembayaran melalui Invois Tanpa Pesanan Kerajaan (ITPK) Bagi Kontrak Kerajaan, surat rujukan MOF.BPK (S)600-1/10/5 Jld.3 (2) bertarikh 13 Januari 2026 adalah dirujuk.

6. Bersama-sama surat ini dilampirkan dua (3) lampiran berikut untuk makluman dan perhatian YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs. Dr. / Tuan / Puan:

- i. **Lampiran A – Contoh Senario dan Implikasi;**
- ii. **Lampiran B – Takrifan Proses Dalam Kontrak Kerja; dan**
- iii. **Surat Edaran BPOPP Bilangan 8 Tahun 2024.**

7. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi pegawai-pegawai di bawah:

- i) Herni Suriani Binti Amarzuki : 05-2462114 (hernisuriani@anm.gov.my)
- ii) Nor Azilah Binti Saad : 05-2462179 (azilah.saad@anm.gov.my)
- iii) Kunaselvi A/P Govindasamy : 05-2462181 (kunaselvi@anm.gov.my)
- iv) Nur Baizura Binti Basarudin : 05-2462195 (baizura.basar@anm.gov.my)

8. Segala kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin/ YBrs. Dr. / Tuan / Puan berhubung perkara di atas amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan "

Saya yang menjalankan amanah,


(**ZULKHAIRY BIN IBRAHIM C.A.(M), CPA(Aust))**
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Perak

CONTOH SENARIO DAN IMPLIKASI

BIL.	TINDAKAN PTJ	SENARIO	TEMPOH PENGELUARAN PESANAN KERAJAAN / PESANAN KONTRAK / INDEN KERAJAAN	RUJUKAN
1.	Pesanan Kerajaan (Bekalan & Perkhidmatan) ePerolehan (P1) hendaklah dikeluarkan sebelum atau pada masa bekalan atau perkhidmatan diperolehi atau diterima oleh Agensi.	Tarikh bekalan atau perkhidmatan diperolehi atau diterima: 15 Januari 2026.	Sebelum atau sewat-lewatnya pada 15 Januari 2026.	Arahan Perbendaharaan 169(D)(d).
2.	Membuat Tanggungan Kontrak Kerajaan (Bekalan & Perkhidmatan) ePerolehan (P2)	Tarikh bekalan atau perkhidmatan pada bulan Januari.	i) Mana-mana tarikh dalam tempoh 1 hingga 31 Januari bulan tersebut. ii) Selepas pembekalan/ perkhidmatan diterima, dalam tempoh 14 hari selepas waran peruntukan diterima di PTJ bagi situasi dimana peruntukan semasa tidak mencukupi. i) Sebelum 1 Mac atau sewat-lewatnya pada 31 Julai 2026. ii) Selepas pembekalan/ perkhidmatan diterima, dalam tempoh 14 hari selepas waran peruntukan diterima di PTJ bagi situasi dimana peruntukan semasa tidak mencukupi.	Rujuk buletin JANIM Negeri Perak bertarikh 17 Januari 2025. Surat MOF.BPK(S)600-1/10/5 Jld.3 (2) bertarikh 13 Januari 2026. Surat MOF.BPK(S)600-1/10/5 Jld.3 (2) bertarikh 13 Januari 2026.

	Perkhidmatan bermasa yang ditetapkan bermula daripada mana-mana tarikh dalam suatu bulan. Contoh: 13 hingga 24 Julai 2026.	Sebelum 13 Julai atau pada mana-mana tarikh dalam tempoh bermula hingga tarikh akhir (24 Julai) perkhidmatan dalam kitaran bulan tersebut. Penetapan ini turut terpakai bagi kitaran tempoh secara mingguan, sekiranya berkaitan.	Surat MOF.BPK(S)600-1/10/5 Jld.3 (2) bertarikh 13 Januari 2026.
--	---	---	---

Nota :


IMPLIKASI SEKIRANYA PTJ GAGAL UNTUK MEMATUHI PERATURAN YANG DITETAPKAN DI PARA 1 DAN 2

- i) PTJ perlu memohon kelulusan pembayaran melalui Invois Tanpa Pesanan Kerajaan (ITPK) bagi perolehan melalui P1 dari Pegawai Pengawal atau MOF (mengikut situasi yang berkaitan) dengan merujuk kepada syarat kelulusan di bawah Para 4 surat rujukan MOF.BPK(S) 600-14/28/2(6) bertarikh 25 November 2022.
- ii) PTJ perlu memohon kelulusan pembayaran melalui Invois Tanpa Pesanan Kerajaan (ITPK) bagi perolehan melalui P2 dari Pegawai Pengawal atau MOF (mengikut situasi yang berkaitan) dengan merujuk kepada syarat kelulusan di bawah Para 3 surat rujukan MOF.BPK(S) 600-1/10/5 Jld.3(2) bertarikh 13 Januari 2026. Permohonan kelulusan pembayaran secara ITPK oleh Pegawai Pengawal hanya dibenarkan untuk kontrak yang masih berkuat kuasa semasa proses pembayaran.

BIL.	TINDAKAN PTJ	SENARIO	PENGELUARAN PESANAN KERAJAAN / PESANAN KONTRAK / INDEN KERAJAAN	RUJUKAN DAN IMPLIKASI
3.	Pesanan Kerajaan (Bekalan & Perkhidmatan) iGFMAS (P3) hendaklah dikeluarkan sebelum atau pada masa bekalan atau perkhidmatan diperolehi atau diterima oleh Agensi.	Tarikh bekalan atau perkhidmatan diterima: 15 Januari 2026.	Sebelum atau sewat-lewatnya pada 15 Januari 2026.	Arahan Perbendaharaan 169(D)(d). Kemukakan Surat justifikasi kelewatan pengeluaran P3/P4 kepada Pejabat Perakaunan untuk kelulusan.
4.	Tanggungjawab Kontrak Kerajaan (Bekalan & Perkhidmatan) iGFMAS (P4) hendaklah dipertanggungjawab sebelum bekalan atau perkhidmatan diperolehi atau diterima oleh Agensi.	Tempoh pertanggungjawab: 1 Mac 2026 – 31 Mac 2026. Tempoh pertanggungjawab: Mac 2026 – Julai 2026	Sebelum atau sewat-selewatnya pada hari pertama bulan Mac 2026 (1 Mac 2026). Sebelum atau sewat-selewatnya pada hari pertama bulan Mac 2026 (1 Mac 2026).	
5.	Inden Kerajaan (P6) melalui iGFMAS hendaklah dikeluarkan sebelum memulakan kerja.	Tarikh mula kerja: 1 Ogos 2026	Selewat-lewatnya pada 31 Julai 2026	Permohonan kelulusan pembayaran Invois Tanpa PK seperti di perenggan 4. Rujuk surat MOF.BPK(S)600-14/11/11 Jld.6(42) bertarikh 3 Januari 2024 (buletin JANM Negeri Perak JANM.PRK.600-1/3/4 (4) bertarikh 16 April 2024).
6.	Tanggungjawab Kontrak Kerajaan (P7) melalui iGFMAS hendaklah dilaksanakan setelah peruntukan diterima dan dalam tempoh kontrak masih berkuat kuasa.	Tempoh pertanggungjawab: 1 Mac 2026 – 31 Julai 2026	Selewat-lewatnya pada 31 Julai 2026	Kemukakan Surat justifikasi kelewatan pengeluaran P7 kepada Pejabat Perakaunan untuk kelulusan.

Nota : Rujukan AP 95(a), 169D (d), Pekeliling Perbendaharaan PK4.2 dan Pekeliling Perbendaharaan PK

PROSES DALAM KONTRAK KERJA



TAKRIFAN DALAM PROSES KONTRAK KERJA

BIL.	TERMA PROSES	TAKRIFAN
1.	Tempoh Pembinaan	Bermula dari tarikh milik tapak sehingga pengeluaran Perakuan Siap Kerja (<i>Certified of Practical Completion – CPC</i>) atau Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (<i>Certified of Completion and Compliance – CCC</i>).
2.	Tamat Pembinaan	Pengeluaran Perakuan Siap Kerja (<i>Certified of Practical Completion – CPC</i>) atau Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (<i>Certified of Completion and Compliance – CCC</i>).
3.	Kerja Selesai	Semua obligasi kontrak telah ditunaikan dan bayaran muktamad telah disempurnakan.
4.	Tempoh Kontrak	Merangkumi tempoh pembinaan sehingga CPC / CCC dikeluarkan, namun semua obligasi atau proses kerja seperti tempoh tanggungan kecacatan, pengeluaran sijil siap memperbaiki kecacatan dan perakuan akaun bayaran muktamad merupakan syarat-syarat yang perlu dipatuhi sebelum dibenarkan bayaran muktamad dilakukan. Tempoh pembayaran bawah kontrak adalah sehingga akaun muktamad & bayaran akhir iaitu obligasi akhir kontrak.
5.	<i>Extension of Time (EOT)</i>	Perlanjutan kepada tempoh pembinaan dan segala obligasi atau proses kerja juga akan dilanjutkan sekiranya berlaku EOT.



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
(Accountant General's Department Malaysia)
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO. 1, PERSIARAN PERDANA
PRESINT 2,
62594 PUTRAJAYA

Telefon : 603-8882 1000
Faks : 603-8882 1042
Web : www.anm.gov.my

Ruj Kami : JANM.BPOPP.600-15/4/13 (5)
Tarikh : 3 April 2024

Ketua Akauntan, Bahagian Akaun Kementerian

Pengarah JANM Negeri/Cawangan

Tuan/ Puan,

SURAT EDARAN BPOPP BILANGAN 8 TAHUN 2024

PROSES KELULUSAN BAGI PERMOHONAN PEMBAYARAN MELALUI INDEN KERAJAAN

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana Pejabat Perakaunan sedia maklum, Kementerian Kewangan melalui surat rujukan MOF. BPK(S) 600-14/28/2(6) bertarikh 25 November 2022 telah memberi penurunan kuasa kepada Pegawai Pengawal untuk meluluskan pembayaran melalui Invois Tanpa Pesanan Kerajaan sehingga nilai kumulatif sebanyak RM1 juta bagi setiap perolehan bekalan dan perkhidmatan. **Seterusnya, Kementerian Kewangan memberi penurunan kuasa tersebut dipanjangkan kepada perolehan kerja Kerajaan seperti surat MOF.BPK(S)600-14/11/11Jld.6(42) bertarikh 3 Januari 2024 seperti yang dilampirkan.**

3. Justeru, selaras dengan penurunan kuasa yang diberikan oleh MOF bagi senario perolehan kerja Kerajaan yang memerlukan kelulusan Akauntan Negara Malaysia, proses permohonan adalah seperti berikut :

- i. PTJ mengemukakan permohonan yang terdiri daripada borang permohonan kelulusan khas mengikut format yang ditetapkan berserta dokumen sokongan yang lengkap (**Rujuk Lampiran**). Borang permohonan tersebut hendaklah dikemukakan melalui Kementerian dengan ulasan dan syor Pegawai Pengawal.
- ii. Bahagian Akaun Kementerian perlu mengemukakan borang permohonan yang telah lengkap kepada JANM melalui e-mel :
 - a. Pengarah Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP); dan
 - b. unit_prestasi@anm.gov.my

Salinan e-mel kepada :

- a. Pengarah Bahagian Khidmat Perunding (BKP); dan
 - b. bkp_ps@anm.gov.my
- iii. JANM akan menyediakan dan mengemukakan kertas pertimbangan serta syor melalui Timbalan Akauntan Negara (Operasi) untuk pertimbangan dan kelulusan ANM.
- iv. Setelah mendapat kelulusan daripada ANM, pembayaran selanjutnya dilaksanakan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) menggunakan Arahan Pembayaran Dengan Pesanan dengan mencatat nombor rujukan kelulusan ANM pada Inden Kerajaan di sistem iGFMS bagi tujuan pelaporan dan ketepatan penggunaan modul di sistem iGFMS.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAHARIN BIN OTHMAN c.A(M))

Pengarah

Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan

b/p Akauntan Negara Malaysia

s.k:

1. Timbalan Akauntan Negara (Operasi)
2. Pengarah Bahagian Khidmat Perunding (BKP)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
3. Setiausaha Bahagian
Bahagian Perolehan Kerajaan
Kementerian Kewangan Malaysia



PERMOHONAN KELULUSAN KHAS PEMBAYARAN MELALUI INDEN
KERAJAAN MANUAL

KEMENTERIAN:.....

A. Maklumat Utama		
(Dilaksanakan selaras dengan surat Kementerian Kewangan rujukan MOF.BPK(S) 600-14/11/11 Jld.6 (42) bertarikh 3 Januari 2024)		
1.	Nama Projek	
2.	Tahun Perolehan	
3.	Tempoh Kontrak	
4.	Jabatan	
5.	Nama PTJ	
6.	Vot	
7.	Nilai Projek (RM)	
8.	Tujuan Permohonan	A. Penggunaan Inden Kerajaan Manual ☐ (Nilai kumulatif <u>melebihi RM1 juta</u> bagi setiap projek – tahun semasa dan melangkau dua (2) tahun) ☐ (Nilai kumulatif <u>kurang RM1 juta</u> bagi setiap projek dan melangkau dua (2) tahun)
9.	Kronologi	

LAMPIRAN

10.	Justifikasi Ketidakpatuhan (sertakan dokumen sokongan berkaitan)	
11.	Implikasi Kewangan	
B. Ulasan dan Syor		
12.	Ulasan/syor Bahagian yang menyelaraskan projek	
	Tandatangan dan cap:	
13.	Ulasan/syor Bahagian Akaun Kementerian	
	Tandatangan dan cap:	
14.	Ulasan dan Syor Pegawai Pengawal	
	Tandatangan dan cap:	

C. Maklumat Pegawai Penyelaras		
1.	Nama Pegawai	
2.	Jawatan	
3.	Unit/Jabatan	
4.	No. Tel. Pejabat	
5.	No. Tel. Bimbit	
6.	E-mel Rasmi	

LAMPIRAN

Dokumen Sokongan

- a. Inden Kerajaan Manual/Tanggungan Kontrak
- b. Surat Setuju Terima
- c. Perjanjian/Kontrak
- d. JKR 66
- e. Dokumen sokongan lain yang berkaitan